

23 FEB 2003

NAM-Mahathir (Ketidakstabilan)/I

NEGARA SELATAN PERLU TANGANI KETIDAKSTABILAN POLITIK, RASUAH

PETALING JAYA, 23 Feb (Bernama) -- Negara-negara Selatan yang masih bergelut dengan kemiskinan dan masalah ekonomi perlu menghapuskan ketidakstabilan politik dan rasuah, dua halangan bagi mewujudkan kekayaan sekiranya mereka mahu aktiviti perniagaan mereka berkembang dan negara makmur, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata autokrasi malahan demokrasi tidak menjamin kestabilan tetapi sebaliknya pengamal mereka yang boleh membawa kebaikan kepada negara mereka.

Sebagai contoh, beliau berkata autokrat yang membuat kebaikan dan penyayang boleh melakukan sesuatu yang menakjubkan untuk memajukan sebuah negara manakala sebaliknya, sebuah negara demokrasi dengan pelbagai perbalahan parti-parti politik, juga boleh mengganggu sistem berkenaan.

"Jelaslah, bukan sistem yang diambil kira, tetapi pengamal sistem berkenaan," katanya semasa berucap pada Forum Perniagaan NAM di sini.

Dr Mahathir juga memberitahu kira-kira 1,000 anggota delegasi yang berkumpul di sini bahawa bagi rasuah, tahap rasuah yang menentukan kejayaan atau sebaliknya kemampuan sesebuah kerajaan untuk memajukan potensi ekonomi negara.

Apabila rasuah diterima secara terbuka sebagai cara hidup, tiada negara yang boleh maju dan makmur, tegas beliau.

Beliau juga mengkritik sistem melobi yang memberikan ganjaran kepada pelobi yang mempunyai akses kepada pembuat keputusan.

"Mereka yang mampu membayar pelobi yang paling berpengaruh mendapat faedah yang dinafikan kepada yang lain. Akhirnya demokrasi tidak melahirkan kerajaan yang baik tetapi kerajaan yang menawarkan rasuah dan menerima rasuah," katanya.

Dr Mahathir berkata bagi kebanyakannya, apa yang mereka dapat secara peribadi yang diutamakan, bukannya pembangunan sesebuah negara dan kesejahteraan rakyat.

Katanya buat masa ini, demokrasi menawarkan sistem politik yang terbaik bagi negara-negara Selatan.

"Tetapi kita perlu mengetahui bagaimana menguruskannya, menggunakannya bagi menghasilkan kerajaan yang baik dan kestabilan politik. Kita mahukan kestabilan politik kerana ia sesuatu yang baik. Tetapi kita mahu lebih daripada itu kerana ia boleh membantu memakmurkan negara kita," katanya.

-- BERNAMA

MR SHY NHD RON